

**Kertas Bil. 84/2015**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN  
NEGERI SELANGOR BERHUBUNG MASALAH  
PEMBERIAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN  
(CERTIFICATE OF COMPLETION AND  
COMPLIANCE “CCC”)**

---

**PENYATA**  
**JAWATANKUASA MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT)**  
**BERHUBUNG MASALAH PEMBERIAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN**  
**(CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE “CCC”)**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Ini adalah Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) (selepas ini disebut sebagai “Jawatankuasa”).
- 1.2. Penyata ini akan membentangkan secara khusus masalah-masalah berkenaan pemberian Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) berikutan aduan yang dibuat oleh Jawatankuasa Sementara Penduduk Taman Ehsan Jaya, Klang mengenai Projek Pemajuan Rumah Teres 2 Tingkat [Fasa 1A(I)] Mengandungi 254 Unit Kediaman Di Atas Lot 833947 & 83948 Mukim Klang, Pandamaran KS 5 Klang Bandar Diraja, Selangor Darul Ehsan.
- 1.3. Pembentangan Penyata ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Kerajaan Negeri masalah-masalah berkenaan dan sekali gus Jawatankuasa ini mahu mengemukakan syor dan cadangan-cadangan yang perlu diambil.

**2. AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

- 2.1. Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa ini:
  - a) Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad Pengerusi  
(ADN Kawasan Ijok)
  - b) Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail Ahli  
(ADN Kawasan Kajang)
  - c) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran Ahli  
(ADN Kawasan Bukit Gasing)
  - d) Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman Ahli  
(ADN Kawasan Meru)
  - e) Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali Ahli  
(ADN Kawasan Selat Klang)

f) Y.B. Tuan Ng Tien Chee Ahli  
(ADN Kawasan Balakong)

g) Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan Ahli  
(ADN Kawasan Kota Damansara)

### 3. LATAR BELAKANG

- 3.1. Jawatankuasa yang bermesyuarat pada 9 Julai 2015 (Bil. 8/2015) telah bersetuju untuk mengadakan satu pendengaran tertutup berkenaan masalah pemberian Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) berikutan aduan yang dibuat oleh En. Kolita Wong Hee Boon, Pengurus Jawatankuasa Sementara Penduduk Taman Ehsan Jaya, Klang mengenai Projek Pemajuan Rumah Teres 2 Tingkat [Fasa 1A(I)] Mengandungi 254 Unit Kediaman Di Atas Lot 833947 & 83948 Mukim Klang, Pandamaran KS 5 Klang Bandar Diraja, Selangor Darul Ehsan.
- 3.2. Jawatankuasa pada mesyuarat tersebut juga telah bersetuju supaya pengadu dan wakil daripada Majlis Perbandaran Klang hadir untuk memberikan keterangan.
- 3.3. Ahli-ahli Jawatankuasa yang menghadiri pendengaran tertutup pada kali ini terdiri daripada Ahli Dewan Negeri berikut:

a)	Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (ADN Kawasan Ijok)	Pengerusi
b)	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (ADN Kawasan Kajang)	Ahli
c)	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
d)	Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (ADN Kawasan Meru)	Ahli
e)	Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (ADN Kawasan Selat Klang)	Ahli
f)	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong)	Ahli

g) Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan Ahli  
(ADN Kawasan Kota Damansara)

3.4. Turut hadir dalam taklimat tersebut adalah pegawai-pegawai berikut:

- a) Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian Dewan
- b) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha
- c) Encik Muhammad Khairil bin Khalid  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

3.5. Saksi-saksi yang dipanggil untuk memberikan keterangan adalah seperti berikut:

**Jawatankuasa Sementara Penduduk Taman Ehsan Jaya, Klang**

- a) Encik Kolita Wong Hee Boon  
Pengerusi
- b) Lu Yan Ming  
Ahli Jawatankuasa
- c) Yap Eng Soon  
Ahli Jawatankuasa

**Majlis Perbandaran Klang**

- a) Encik Zahrin bin Md Nasir  
Pemangku Setiausaha
- b) Encik Zailani bin Panot  
Timbalan Pengarah Perancang
- c) Encik Zamri bin Othman  
Pengarah Kejuruteraan
- d) Puan Nurdina binti Samsuri  
Arkllek

- e) Encik Muhammad Zaidi bin Zainal  
Penolong Jurutera

#### 4. FAKTA DAN PENEMUAN

##### **Keterangan Daripada Jawatankuasa Sementara Penduduk Taman Ehsan Jaya, Klang**

- 4.1. Encik Kolita selaku Pengurus Jawatankuasa Sementara Penduduk Taman Ehsan Jaya, Klang mewakili pemilik-pemilik yang lain menyatakan kekecewaan beliau terhadap pemaju yang telah membangunkan projek pembinaan dua ratus lima puluh empat (254) rumah teres 2 tingkat [Fasa 1A(I)] di Pandamaran, Klang dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) selaku salah sebuah agensi yang memantau serta meluluskan beberapa buah komponen utama projek tersebut sebelum CCC dapat dikeluarkan.
- 4.2. Encik Kolita memaklumkan Jawatankuasa bahawa Perjanjian Sewa Beli telah ditandatangani pada 21 Oktober 2012 di mana mengikut perjanjian dan undang-undang sedia ada, projek tersebut perlu siap dan kunci perlu diserahkan pada 20 Oktober 2014. Namun demikian, pada bulan November 2014, para pemilik mendapati bahawa pihak pemaju telah mendapat penangguhan tarikh bagi penyerahan kunci selama tiga (3) bulan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Salinan surat yang dikeluarkan oleh KPKT kepada pemaju adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 4.3. Encik Kolita memaklumkan bahawa ada pemilik-pemilik, melalui peguam mereka, menulis kepada pihak Kementerian untuk mendapatkan sebab mengapa penangguhan diberikan namun permohonan tersebut ditolak oleh pihak KPKT. Walaupun tambahan tiga bulan telah diberi oleh pihak kementerian, kualiti serta mutu kerja rumah-rumah serta infrastruktur sekeliling sangat tidak memuaskan.
- 4.4. Antara kerosakan yang ketara adalah mendapan jalan penghubung, kerosakan dan keruntuhan pada tembok penahan sepanjang Sungai Aur (Jawatankuasa dimaklumkan bahawa tembok tersebut telah runtuh sebanyak dua (2) kali), dan mutu kerja pemasangan paip air utama yang tidak menepati pelan asal. Gambar-gambar kerosakan tersebut boleh dirujuk di **Lampiran 2**.
- 4.5. Encik Kolita juga mempersoalkan tindakan MPK di dalam memberikan sokongan bagi Borang G17 supaya CCC dapat dikeluarkan walaupun berlaku kerosakan-kerosakan seperti yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun

Jawatankuasa dimaklumkan bahawa buat masa ini, pihak pemaju sedang melakukan kerja-kerja perbaikan.

#### **Keterangan Daripada Majlis Perbandaran Klang (MPK)**

- 4.6. Jawatankuasa difahamkan bahawa pihak MPK mengambil maklum aduan daripada pemilik-pemilik berkenaan masalah infrastruktur serta kerosakan pada bangunan melalui gambar-gambar dan catatan bertulis tangan yang telah diberikan kepada mereka.
- 4.7. Jawatankuasa juga dimaklumkan bahawa sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memberikan sokongan bagi Borang G17, berkaitan pelan Jalan dan Parit sebelum arkitek yang bertanggungjawab mengeluarkan boleh mengeluarkan CCC. Jawatankuasa juga dimaklumkan bahawa pihak Majlis turut bertanggungjawab untuk memberikan sokongan bagi Borang G18 (berkaitan Pelan Lampu Jalan) dan Borang G21 (berkaitan Pelan Landskap).
- 4.8. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa sebelum projek dimulakan, pihak pemaju telah mengemukakan permohonan bagi pemajuan pelan-pelan pembangunan kepada pihak MPK seperti yang dapat dilihat di dalam Laporan MPK kepada Jawatankuasa ini. Pelan-pelan yang terbabit adalah seperti Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Parit, Pelan Bangunan, Pelan Lampu Jalan dan Pelan Landskap.
- 4.9. Pihak MPK memaklumkan Jawatankuasa bahawa sokongan bagi Borang G17 telah dikeluarkan pada 17 Oktober 2014 berdasarkan kepada permohonan dan perakuan siap kerja oleh juruperunding Tetuan Perunding Sentral Sdn Bhd serta lawatan tapak bersama yang telah dilakukan oleh Penolong Jurutera MPK pada 10 Oktober 2014. Sokongan ini juga dibuat dengan mengambil kira surat sokongan dari Jabatan Kerja Raya (JKR) bertarikh 22 September 2014 yang tidak mempunyai halangan untuk mengeluarkan CCC berkaitan jalan penghubung di kawasan pembangunan tersebut.
- 4.10. MPK memberitahu Jawatankuasa bahawa hasil daripada lawatan tapak bersama tersebut, mereka mendapati kesemua infrastruktur berada dalam keadaan yang memuaskan.
- 4.11. Pemantauan di tapak oleh pihak MPK mendapati terdapat kerosakan pada tembok penahan dan berlaku mendapan berhadapan deretan rumah berhampiran tebing Sungai Aur. Lanjutan daripada itu pihak MPJ telah mengeluarkan surat bertarikh 9 Disember 2014 kepada Tetuan Perunding

Sentral Sdn Bhd mengarahkan supaya kerja-kerja pembaikan yang sewajarnya dapat dijalankan walaupun sokongan bagi Borang G17 telah dikeluarkan. Surat maklum balas daripada juruperunding bertarikh 16 Disember 2014 menjelaskan punca dan cadangan kerja pembaikan tebing menggunakan cerucuk bakau akan dilaksanakan pada bulan Mac 2015.

- 4.12. Namun demikian, Perakuan Borang F (CCC) tetap dikeluarkan oleh Perunding Arkitek Tetuan KSKA Arkitek Sdn Bhd pada 7 Januari 2015 dan dimajukan ke MPK pada 8 Januari 2015 walaupun ketika itu masih terdapat kerja-kerja pembaikan kerosakan pada tembok penahan, mendapan tebing dan kemudahan infrastruktur lain yang perlu disiapkan. Salinan CCC yang telah dikeluarkan adalah seperti di **Lampiran 3**.
- 4.13. Melalui surat daripada juruperunding bertarikh 16 Mei 2015, atas nasihat Jurutera Geoteknik pemasangan cerucuk jenis ‘sheet pile’ diperlukan bagi meningkatkan kestabilan tebing sepanjang lapan belas (18) meter. Kerja-kerja pemasangan cerucuk telah dimulakan pada Jun 2015 dan sehingga kini hanya melibatkan kemasan akhir. Hal ini telah disahkan oleh pihak MPK hasil lawatan tapak yang dijalankan pada 15 September 2015 di mana kerosakan jalan juga telah dibaiki dan diturap semula.
- 4.14. Bagi isu pelaksanaan skim perumahan berpagar dan berpengawal (G&G) yang dijanjikan oleh pemaju semasa pelancaran dan penjualan projek, pihak MPK memaklumkan bahawa tiada permohonan seperti berikut dikemukakan oleh pihak Pemaju semasa memohon kebenaran merancang bagi projek perumahan tersebut. Sebaliknya persetujuan telah diadakan di antara pihak pemaju dengan pembeli rumah dan pemagaran kawasan telah dilaksanakan di tapak. Pihak pemaju ada memohon kebenaran merancang kepada MPK pada 8 Jun 2015 melalui Jabatan Pusat Setempat dan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat, MPK pada 28 Julai 2015 telah menolak permohonan tersebut atas alasan permohonan perlu dikemukakan oleh persatuan penduduk selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi melaksanakan skim G7G. Jawatankuasa dimaklumkan pihak pemaju sedang mematuhi syarat tersebut dan akan mengemukakan semula permohonan dalam masa terdekat.
- 4.15. MPK memaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa setakat ini, selain daripada surat yang dikeluarkan kepada perunding-perunding di atas, tiada tindakan lain yang telah diambil terhadap pemaju dan juga perunding-perunding tersebut. MPK menyatakan bahawa tindakan yang boleh diambil adalah dengan melaporkan kepada KPKT berhubung kegagalan pemaju

melaksanakan tanggungjawab mereka kepada pembeli manakala perunding-perunding dirujuk kepada Badan Profesional berkaitan.

- 4.16. MPK juga akan mengaturkan satu semakan yang lebih terperinci bagi mengatasi masalah-masalah yang berlaku dan menyatakan tindakan yang lebih serius akan diambil kepada jurutera perunding dan juga pemaju. MPK juga tidak akan teragak-agak untuk membuat aduan rasmi kepada Badan Profesional yang berkaitan (Persatuan Arkitek Malaysia dan Lembaga Jurutera Malaysia) berhubung isu ini.
- 4.17. Buat masa ini, MPK akan memastikan bahawa pihak pemaju dan juru perunding akan memberikan laporan secara berkala kepada MPK terhadap tindakan yang telah, sedang dan akan diambil bagi kerja-kerja pemberian terhadap kerosakan-kerosakan dikenal pasti tersebut berdasarkan satu ‘time frame’ bagi tujuan pemantauan.
- 4.18. Untuk pembangunan Fasa kedua, pelan dan perancangan secara konseptual telah dikemukakan tetapi belum dimajukan permohonan pelan secara terperinci. MPK akan memastikan supaya pihak pemaju dapat mengemukakan cadangan pembinaan yang mengambil kira faktor-faktor kekukuhan infrastruktur, selamat, selesa dan berkualiti.
- 4.19. Bagi isu paip ‘crossing pipe’ seperti yang ditunjukkan di dalam gambar (rujuk **Lampiran 2**), pihak MPK mengesahkan bahawa ia tidak terdapat di dalam pelan asal. Pihak MPK memaklumkan Jawatankuasa bahawa Semasa pemeriksaan di tapak, penolong jurutera yang bertugas tidak melaporkan berkenaan keadaan ini dan mereka mengakui akan kecuaian di pihak Penolong Jurutera.
- 4.20. Jawatankuasa difahamkan bahawa MPK ada menerima aduan daripada pengadu dan juga Ahli Majlis berkenaan isu ini namun tiada sebarang tindakan diambil terhadap pegawai tersebut. Tindakan yang biasanya akan diambil bagi kes-kes seperti ini adalah pegawai berkenaan perlu mengemukakan surat tunjuk sebab dan akan direkodkan ke dalam fail peribadi masing-masing. Pihak MPK juga akan meminta pihak pemaju membuat pengalihan paip bekalan air tersebut.

### **Penemuan**

- 4.21. Jawatankuasa berpendapat bahawa pihak MPK tidak menjalankan siasatan dan kajian yang menyeluruh sebelum memberi sokongan bagi Borang G17 di

mana ia merupakan salah satu syarat utama yang perlu dipatuhi sebelum CCC dapat dikeluarkan oleh Arkitek yang berlanggungjawab.

- 4.22. Jawatankuasa mendapati bahawa pihak MPK telah cuai semasa pemeriksaan infrastruktur ketika lawatan tapak bersama yang dijalankan pada 10 Oktober 2015 di mana masalah ‘crossing pipe’ dalam sistem perparitan tidak dimaklumkan dan dilaporkan menyebabkan sokongan bagi Borang G17 tetap diberikan tanpa perlu mengatasi masalah tersebut.
- 4.23. Jawatankuasa mendapati bahawa Ketua Jabatan terlibat tidak mengambil sebarang tindakan terhadap kakitangan yang telah cuai melaksanakan tugas beliau ketika membuat lawatan tapak bersama walaupun pihak MPK sudah mengambil maklum berkenaan hal ini.
- 4.24. Jawatankuasa juga mendapati bahawa tiada tindakan yang lebih keras dan konkret diambil terhadap pemaju dan juga para perunding mereka apabila CCC dikeluarkan sebelum kerja-kerja pembinaan yang diarahkan melalui surat-surat MPK kepada perunding-perunding berkenaan belum disiapkan sepenuhnya.

## 5. SARANAN JAWATANKUASA

- 5.1. PBT perlu memeriksa dan meneliti secara terperinci dan memastikan pemaju mematuhi kesemua pelan pembangunan, syarat-syarat yang dikenakan dan piawaian pembangunan dan pembinaan yang telah ditetapkan sebelum memberi sokongan kepada borang G1 hingga G21 yang berkenaan supaya kediaman atau kawasan pembangunan itu selamat dan selesa untuk didiami.
- 5.2. Selain itu, mutu kerja pembinaan yang rendah dalam pembinaan kemudahan infrastruktur perlu diberi perhatian serius kerana ia akan diserahkan kepada PBT. Jawatankuasa berpendapat bahawa pihak PBT tidak wajar menanggung kos-kos pembinaan ini yang berlaku atas kesilapan pemaju dan kecuaian PBT sendiri.
- 5.3. Ketua Jabatan/pengurusan tertinggi mana-mana PBT perlu mengambil tindakan disiplin yang sesuai dan selaras dengan peruntukan perundungan dan tatacara sedia ada terhadap mana-mana pegawai yang didapati cuai di dalam melaksanakan tugasannya dengan kadar segera supaya imej penjawat awam tidak tercalar. Merujuk kepada penemuan Jawatankuasa di perenggan 4.23, Jawatankuasa menyarankan supaya pihak MPK merujuk kakitangan terlibat ke Lembaga Tatatertib MPK supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

- 5.4. PBT-PBT perlu menjadi lebih proaktif dalam melaporkan sebarang ketidakpatuhan dan kegagalan pemaju dan juga perunding-perunding yang terlibat yang berkait di dalam melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap pembeli kepada KPKT dan juga badan-badan profesional yang terlibat. Merujuk kepada penemuan Jawatankuasa di perenggan 4.24, Jawatankuasa menyarankan supaya MPK melaporkan kegagalan di pihak Arkitek ke Lembaga Tatatertib Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) dan di pihak Jurutera ke Lembaga Tatatertib ‘*Board of Engineers*’ (BEM) Malaysia selaras dengan akta profesional masing-masing.

## 6. PENUTUP

- 6.1. Jawatankuasa ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pihak Berkuasa Tempatan, semua pegawai kerajaan, individu-individu serta badan-badan korporat yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
- 6.2. Jawatankuasa yakin segala saranan yang terkandung dalam penyata ini akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh MMKN.
- 6.3. Ahli Jawatankuasa PBT yang telah bermesyuarat pada **23 September 2015** telah meluluskan penyata ini. Sekian, terima kasih.

Bertarikh pada **1 Oktober 2015** di Shah Alam.



**Y.B.TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT)

**SENARAI LAMPIRAN BAGI PENYATA JAWATANKUASA MENGENAI PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG MASALAH PEMBERIAN  
PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CERTIFICATE OF COMPLETION AND  
COMPLIANCE “CCC”)**

LAMPIRAN	DOKUMEN	MUKA SURAT
1	<b>Salinan surat dari Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada Pemaju bertarikh 5 November 2014.</b>	2
2	<b>Gambar-gambar kerosakan di tapak</b>	3
3	<b>Salinan Borang F Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bertarikh 7 Januari 2015</b>	5

**LAMPIRAN 1:**

**Salinan surat dari Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada Pemaju bertarikh 5 November 2014.**



JABATAN PERUMAHAN NEGARA  
Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Aras 30-38,  
No. 51, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya



Telpon : 03-8000 8000  
Faks : 03-8891 4225  
Email : jpn@kpkt.gov.my  
Webmail : <http://jpn.kpkt.gov.my>

No. Ruj : KPKT/07/L/12179-1(3)  
Tarikh : 5 November 2014

**PENGARAH**  
Melati Ehsan Consolidated Sdn Bhd  
5 Jalan Titiwangsa  
53200 Kuala Lumpur

Tuan,

**Pemaju:** Melati Ehsan Consolidated Sdn Bhd  
**Projek :** Cadangan Pemajuan Rumah Teres 2 Tingkat [Fasa 1A(i)]  
Mengandungi 254 Unit Kediaman Di Atas Lot 83947 & 83948  
Mukim Klang, Pandamaran KS 5 Klang Bandar Diraja, Selangor  
Darul Ehsan

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa setelah meneliti permohonan tuan untuk meminda Jadual G (Perjanjian Jual Beli) di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, Jabatan ini hanya meluluskan lanjutan serahan milikan kosong dan penyiapan kemudahan bersama selama 3 bulan iaitu daripada 24 bulan kepada 27 bulan sahaja.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**

Saya yang menurut perintah,

(MOHD ZULKIFLI BIN HASSAN)  
b.p Pengawal Perumahan  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

s.k.: Pengarah  
Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)



ISO 9001:2008 Certified

**LAMPIRAN 2:**

**Gambar-gambar kerosakan di tapak**





### LAMPIRAN 3:

#### Salinan Borang F Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bertarikh 7 Januari 2015

**UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM SELANGOR 1986**  
**BORANG F**  
**PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN**  
[undang-undang kecil 25]

Kepada : \* **TPPT SDN. BHD.**  
NO.5 JALAN TITIWANGSA,  
53200 KUALA LUMPUR.

LAM / S / No. 12302  
Tarikh : **07 JAN 2015**

Saya dengan ini mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan untuk bangunan/bangunan-bangunan atas Lot/Lot-Lot/Seksyen/Jalan

CADANGAN PINDAAN KEPADA PINDAAN PELAN BANGUNAN YANG DILULUSKAN BERTARikh 07 FEBRUARI 2012 [NU: MPKBGN-P0216-11-P]  
BAGI CADANGAN MEMBUKA 254 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (2' X 7') DAN 1 UNIT PENCARIANG ELEKTRIK DI ATAS LOT 83947 DAN 83948  
(SEBAHAGIAN FASA 1A/1B, MUKIM KLANG, PANDAMARAI, K5, KLANG BANDAR DIRAJA, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN TPPT  
SDN. BHD.

( sila isiakan tuguuk penuh projek )  
setelah berpuas hati bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu telah siap menurut

pelan yang diluluskan No. **MPKBGN-P0216-11 (ASAL)** bertarikh **18 APRIL 2012 (ASAL)**  
**MPKBGN-P0216-11-P-P (PINDAAN)** **23 JANUARI 2014 (PINDAAN)**

Saya telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan/bangunan-bangunan itu dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya kerja/kerja-kerja itu adalah mengikut Akta, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 dan pelan-pelan yang diluluskan. Saya dengan ini memperakui bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.

1. Butir-butir orang utama yang mengemukakan

Nama : **AR LIM SIEW BOY**  
Alamat : **KSKA ARKITEK SDN. BHD.  
B-2-9 VIVA, LEVEL 2, BLOK B, NO 378 JALAN IPOH,  
51200 KUALA LUMPUR**

AR.104  
No. Pendaftaran LAM :

2. Salinan kepada : **MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

(a) Pihak Berkuasa Tempatan : .....  
(*Nama Pihak Berkuasa Tempatan*)

(b) Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

\* *Pemaju, jika ia adalah untuk pembangunan selain rumah berasingan yang dibina secara tunggal atau, pemunya jika ia adalah untuk rumah berasingan yang dibina secara tunggal*

**SALINAN ASAL**